

27/07/1999

Perdana Menteri, ahli ekonomi bidas Miller

aruzzaman; Wan Sabariah Shikh Ali; Nor Liza Ahmad
LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menolak dakwaan ahli ekonomi yang pernah memenangi Hadiah Nobel, Profesor Merton Miller, kononnya pemulihan ekonomi Malaysia tidak benar.

Perdana Menteri menyifatkan pandangan Miller itu tidak ubah seperti sikap parti pembangkang yang sememangnya tidak pernah percayakan kerajaan.

Bagi golongan ini, katanya, tidak ada cara yang boleh meyakinkan mereka kerana walaupun ada bukti kukuh, fikiran mereka sudah membuat keputusan bahawa bukti itu tidak betul.

"Kita mempunyai perangkaan menunjukkan bukti ini. Kecualilah kalau mereka kata peningkatan 50 peratus jualan kereta yang dicatatkan itu untuk kereta tidak nyata, kereta maya dan orang pergi ke restoran untuk makan, tidak memakan makanan sebenar, sebaliknya hanya bayangan.

"Jika keadaan seperti itu, barulah anda boleh katakan pemulihan kami tidak benar. Tetapi tanyalah mana-mana rakyat Malaysia, ia adalah benar," katanya ketika mempengerusikan perbincangan panel pada hari kedua Dialog Antarabangsa Langkawi Keempat (LID 99) di sini, hari ini.

Dr Mahathir memberikan contoh, rizab pertukaran asing Malaysia meningkat 50 peratus daripada AS\$20 bilion kepada AS\$31 bilion dan mampu membiayai tujuh bulan import tertangguh.

"Semua perangkaan ini boleh diteliti oleh sesiapa yang berminat tetapi tidak ada faedahnya kita cuba membuktikan kepada Miller. Ini kerana dia hanya percaya apa yang mahu dipercayainya sebagai benar," katanya.

Ahli ekonomi dari Universiti Houston, Amerika Syarikat, Prof Thomas deGregori, yang turut menghadiri LID, pula berkata dakwaan Miller berhubung ekonomi Malaysia tidak masuk akal.

Katanya, ahli ekonomi mesti menerima hakikat bahawa ekonomi pada 1990-an bukan lagi begitu mudah untuk ditafsir seperti pada 1970-an yang mana teori mereka dengan mudah menerangkan sesuatu perkembangan.

"Malaysia sudah menunjukkan pemulihan. Kecualilah jika bagi Miller, pemulihan ekonomi Malaysia tidak benar melainkan setelah disahkan oleh University of Chicago," katanya pada sidang akhbar selepas itu.

Miller ketika ditemu bual di Singapura baru-baru ini menuduh langkah Malaysia melaksanakan kawalan modal adalah satu kegagalan dan rakyat negara ini terpaksa menanggung kos akibat pelaksanaannya.

Kos yang dimaksudkan beliau ialah kadar faedah tinggi, peningkatan kadar inflasi, tempoh matang pinjaman lebih pendek dan kemungkinan penurunan nilai ringgit apabila ia kembali diniagakan.

Sementara itu, mengulas kenyataan deGregory bahawa Amerika Syarikat meraih keuntungan apabila ekonomi Asia dilanda krisis ekonomi dan sebaliknya apabila negara terbabit pulih, ia akan menjejaskan Washington, Dr Mahathir berkata Malaysia mahu melihat kemakmuran berterusan Amerika Syarikat kerana ekonomi Malaysia berkait rapat dengan ekonomi negara itu.

Katanya, jika ekonomi Amerika Syarikat menurun, Malaysia juga akan terjejas kerana ia mengeluarkan semua mikrochip yang diperlukan oleh industri di negara itu.

"Saya menyifatkannya sebagai satu keadaan yang kami mengaut keuntungan ketika mereka menurun dan begitu juga sebaliknya bagi mereka.

"Apa yang kita mahu lihat adalah kedua-dua pihak memperolehi kekayaan dan kemakmuran menerusi perkongsian pintar.

"Malahan struktur kewangan baru dunia digalakkan oleh Malaysia, setiap orang sepatutnya memperolehi faedah daripadanya, bukan satu pihak meraih

keuntungan manakala satu pihak yang lain menanggung kerugian," katanya.

Beliau berkata, krisis kewangan memusnahkan dengan sekelip mata segala usaha keras Asia Timur selama 40 tahun hanya dengan menurunkan nilai mata wang.

"Itulah sebabnya kita perlu menanyakan diri kita sendiri sama ada kita perlukan dagangan mata wang selain membeli barangan dan perkhidmatan.

"Jika spekulator mata wang tidak melihat peluang yang ada, mereka tidak akan menyerang kita, ia bukan kerana pentadbiran yang buruk.

"Mereka tidak akan pergi ke negara yang mempunyai ekonomi buruk tetapi mereka menggunakan bidalan lama, 'jika anda mahu merompak, carilah seseorang yang benar-benar kaya'," katanya.